Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH
Universiti Milik Penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK Inc.)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

PEMBANTU KESELAMATAN

Kumpulan Perkhidmatan	Pelaksana
Jawatan	Pembantu Keselamatan
Gred Jawatan	KP19
Skala Gaji	RM 1,760.00 (Min) – RM 4,052.00 (Maks)
Taraf Lantikan	Kontrak
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun

SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia.
2. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
3. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan, atau
4. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
5. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, DAN

6. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut;
   i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
   ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
   iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
   iv. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
   v. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
7. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 2,3, atau 4 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

i. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi.
ii. Melaksanakan tugasan berkaitan pengurusan kewangan, fail, aset dan inventori jabatan.
iii. Bertangungjawab terhadap pengurusan jadual Unit Keselamatan *(Security).*
iv. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah/Penyelia.

KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian *(online)* di laman web **https://erekrut.unishams.edu.my/home.php** dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

Sila nyatakan gaji yang ingin dipohon dan sertakan slip gaji terkini sebagai rujukan.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

MUHAMMAD HANAFI BIN MASRI
Unit Perjawatan Bukan Akademik
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar
E-mel: perjawatan_pentadbiran@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 NOVEMBER 2026